

BANK ISLAM, AKPK ANJUR PROGRAM PENDIDIKAN DAN PENYELESAIAN KEWANGAN UNTUK INDIVIDU DAN PKS

KUALA LUMPUR, Isnin, [4 April 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") baru-baru ini telah memeterai memorandum persefahaman ("MoU") dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK") bagi memperluaskan program pendidikan pengurusan kewangan melibatkan individu dan perusahaan kecil dan sederhana ("PKS").

Program kerjasama rintis ini telah dijalankan sejak bermulanya pandemik COVID-19 untuk pelanggan individu dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan penganjuran lebih 60 sesi perkongsian ilmu yang disediakan kepada kakitangan di syarikat-syarikat panel Bank Islam. Susulan maklum balas yang menggalakkan, Bank Islam dan AKPK telah bersetuju untuk memperkukuhkan lagi kerjasama ini demi manfaat para pelanggan PKS Bank Islam.

Melalui program tersebut, wakil AKPK akan mendidik peserta tentang pengurusan kewangan yang baik melalui modul-modul yang dibangunkan bersama Bank Islam dan AKPK. Antara topik yang terlibat adalah produk-produk atau perkhidmatan perbankan dan kewangan yang bersesuaian dengan keperluan peserta.

Tidak terhad pada syarikat-syarikat panel dan pelanggan PKS Bank Islam, program pendidikan pengurusan kewangan ini juga akan ditawarkan kepada peserta program pendidikan kewangan AKPK. Perluasan program ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan, dan memastikan wujudnya akses kewangan kepada segenap segmen pelanggan. Secara tidak langsung, penyediaan modul pendidikan yang bersifat holistik dan praktikal ini akan memperkasakan pengetahuan dan keupayaan peserta program dalam membuat pertimbangan kewangan yang wajar.

Pemeteraian MoU kerjasama tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir dalam satu majlis yang diadakan di Kuala Lumpur pada Jumaat lalu.

Mohd Muazzam Mohamed berkata "Bank Islam sedang mengorak langkah untuk meningkatkan lagi peranannya sebagai penyedia produk dan perkhidmatan kewangan patuh Syariah bagi memenuhi keperluan segenap segmen pasaran. Kami berhasrat untuk memberikan khidmat nilai tambah melalui penyediaan khidmat rundingan dan perancang kewangan. Ia bertujuan untuk menyediakan modul bimbingan kewangan yang holistik dan praktikal serta membantu meningkatkan

kesedaran dan pengetahuan pengurusan kewangan kepada pelanggan individu dan PKS. Ilmu penting ini membolehkan mereka membuat keputusan kewangan yang lebih baik dan bermaklumat, khasnya dalam persekitaran semasa yang mencabar."

"Kami turut berharap kerjasama ini akan dapat memberi pencerahan berhubung penyelesaian kewangan yang ditawarkan oleh sektor perbankan di pasaran, seterusnya mencegah pelanggan dan peserta program daripada menjadi mangsa penipuan, jenayah siber atau agen-agen pinjaman yang tidak berdaftar," tambah beliau.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Pasaran Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulus, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Rohazida Mohamed Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rohazidam@bankislam.com.my</p>	<p>Omar Atin Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my</p>
---	---